



# TAHUKAH ANDA APA ITU JADUAL AP11?

JADUAL PENETAPAN KUASA  
DAN TUGAS PEGAWAI  
PENGAWAL KEPADA PEGAWAI  
PERAKAUNAN DI BAWAH  
KAWALANNYA SELARAS  
DENGAN ARAHAN  
PERBENDAHARAAN 11 (AP 11)

**DISEDIAKAN OLEH:** SEKSYEN  
PENTADBIRAN DAN KEURUSETIAAN,  
BAHAGIAN KEWANGAN DAN AKAUN, KPT

## JADUAL AP11:

Jadual yang mengandungi senarai tugas beserta had amaun yang dibenarkan untuk menjalankan tugas kewangan dan perakaunan yang diturunkan kuasa daripada PEGAWAI PENGAWAL kepada PEGAWAI PERAKAUNAN di bawah kawalannya dan dinyatakan secara bertulis bagi pihaknya.

## PEGAWAI PENGAWAL:

Pegawai yang dilantik oleh Menteri Kewangan atau Menteri Besar atau Ketua Menteri di bawah Seksyen 15A Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi setiap tujuan perbelanjaan yang diperuntukkan bagi mana-mana tahun kewangan dalam anggaran, bagi mengawal, tertakluk kepada sebarang arahan yang ditujukan oleh pihak penguatkuasa kewangan, perbelanjaan yang dikuat kuasakan di bawah tujuan itu dan termasuk semua tanggungjawab pegawai perakaunan dan dibaca bersama AP10.

## PEGAWAI PERAKAUNAN:

Setiap pegawai awam yang bertanggungjawab bagi perkara-perkara seperti yang ditakrifkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] iaitu:

- Memungut, menerima atau mengakaun, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau mengakaun Wang Awam; atau
- Membelanja/ membayar atau yang sebenarnya membelanja/ membayar, apa-apa Wang Awam; atau
- Menerima, menyimpan, mengeluarkan, melupus, atau mengakaun Aset Awam atau yang menerima, memegang, mengeluarkan atau melupus Aset Awam.

## JADUAL BOLEH DIPEROLEH MELALUI:

- Portal KPT: Muat Turun → Pekeliling → Kewangan → Kategori → Jadual dan Tugas Pegawai Pengawal KPT
- Pautan Jadual: <https://www.mohe.gov.my/muat-turun/warga/pekeliling/kewangan/jadual-dan-tugas-pegawai-pengawal-kpt>